

FORUM

AKADEMIA MELAKA

BIL.5 NO. 2

OKTOBER, 1996

Krisis Hutang : Satu Pengajaran kepada
Pentadbiran Awam Masa Kini
Norhayati Mohd Salleh


Defisit Imbangan Pembayaran dan
Beberapa Implikasi Polisi
Arifin Md. Salleh

Ciri dan Fungsi Bandar Dari Prespektif Islam
Hassan Baharom

Memahami Kepentingan Asas Nilai Murni
Mohd Pital Zainal

Towards Improving Team Building in Organizations
Vijaya Letchimi S. Thayan

INSTITUT TEKNOLOGI MARA
MELAKA



F O R U M

AKADEMIA MELAKA

- Penasihat** Dr Ibrahim Kamal Abdul Rahman
Jamaluddin Hj Bujang
- Ketua Editor** Rozalli Hashim
- Sidang Editor** Shahariah Othman, Mohd Pital Zainal, Sujatha Menon, Hazami Kamaruddin,
Mahadzir Ismail dan Ismail Embong.

FORUM AKADEMI MELAKA adalah forum akademik dalaman bagi para tenaga akademik di ITM Melaka. Ianya diterbitkan setiap bulan atau apabila mencukupi kuota bilangan artikel. Ia bertujuan untuk menjadi forum kepada ahli-ahli akademik kampus berkongsi maklumat mengenai bidang masing-masing termasuk aspek-aspek pengajaran dan pembelajaran dalam dua bahasa; Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

Segala penemuan, interpretasi dan kesimpulan yang dimuatkan di dalam forum ini adalah pandangan mutlak para penulis dan tidak boleh dijadikan pandangan atau pendirian ITM Melaka. Oleh yang demikian, FORUM AKADEMI MELAKA tidak mengambil tanggungjawab kepada penggunaan sebarang maklumat yang diterbitkan sama ada untuk tujuan akademik atau tujuan-tujuan lain.

FORUM AKADEMI MELAKA mengalu-alukan sebarang komen dan maklum balas dari para pembaca. Sila kirimkan pandangan anda kepada Ketua Editor melalui alamat berikut :-

Ketua Editor
FORUM AKADEMI MELAKA
Pejabat USPP
ITM Melaka
78000 Alor Gajah

(C) Hak Cipta Terpelihara

Undang-undang negara mengenai hak cipta adalah terpakai. FORUM AKADEMI MELAKA menggalakkan sebaran maklumat yang diterbitkan dan memberi kebenaran dicetak semula melalui permohonan rasmi tetapi hanya bagi tujuan akademik dan bukan untuk mendapatkan keuntungan. Sebutan sumber asal adalah dialu-alukan.

Percetakan dan Jilid : Rahayu Harun, Mansor Abu Hassan dan Sharif Sulong

FORUM AKADEMI MELAKA merakamkan penghargaan kepada semua penyumbang yang menjayakan penerbitannya.

FORUM AKADEMI MELAKA

Bilangan 5

Oktober 1996

Nombor 2

Kandungan/Contents

Krisis Hutang : Satu Pengajaran kepada Pentadbiran Awam Masa Kini <i>Norhayati Mohd Salleh</i>	1
Defisit Imbangan Pembayaran dan Beberapa Implikasi Polisi <i>Arifin Md. Salleh</i>	10
Ciri dan Fungsi Bandar Dari Prespektif Islam <i>Hassan Baharom</i>	19
Memahami Kepentingan Asas Nilai Murni <i>Mohd Pital Zainal</i>	29
Towards Improving Team Building in Organizations <i>Vijaya Letchimi S. Thayan</i>	36

Defisit Imbangan Pembayaran dan Beberapa Implikasi Polisi

Arifin bin Md.Salleh*

Abstrak

Dari segi sejarah, Malaysia mengalami defisit imbangan pembayaran sejak tahun 1962, tempoh di antara tahun 1981-1983, tahun 1988 dan 1994-1995. Walaubagaimanapun terdapat perbezaan dari segi faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya defisit tersebut. Kedudukan defisit ini telah memberi kesan terhadap kejatuhan kedudukan rezab antarabangsa dari RM8.3 bilion dalam tahun 1994 kepada RM 4.4 bilion pada tahun 1995. Ada juga dikalangan penganalisa yang mengaitkan kedudukan ini sebagai petunjuk 'ekonomi panas' yang di alami oleh Malaysia. Beberapa pendekatan polisi telah dan sedang di rangka untuk mengurang dan mengelakkan kemungkinan negatif dalam arus perkembangan dan pertumbuhan ekonomi negara.

Pendahuluan

Pertumbuhan ekonomi Malaysia sejak tahun 1987 secara purata adalah pada kadar 8.7 peratus, dengan pertumbuhan Keluaran Negara Kasar (KNK) yang begitu menggalakkan pada kadar 9.6 peratus pada tahun 1995. Pendapatan perkapita telah meningkat dari US\$1,814 (RM4,662) pada tahun 1987 kepada US\$4,027 (RM10,349) pada tahun 1995. Nisbah tabungan kepada KNK adalah tinggi daripada kedudukan antarabangsa pada kadar 34 peratus. Walaubagaimanapun, indikator ini tidak terlepas meletakkan Malaysia daripada beberapa permasalahan kekurangan asas ekonomi yang selaras dengan momentum pertumbuhan ekonomi. Antara permasalahan tersebut ialah kekurangan infrastruktur, permasalahan pencemaran, kekurangan buruh yang mahir dan kurang mahir, tekanan inflasi dan bertambahnya defisit imbangan pembayaran. Keadaan ini merupakan asas kepada beberapa pandangan penganalisa ekonomi sebagai penyumbang kepada persoalan ekonomi panas lampau atau "overheating" atau "gelembong ekonomi".

* En Arifin Md.Salleh adalah Pensyarah Kanan Ekonomi, Kajian Perniagaan Dan Pengurusan di ITM Melaka.

Menurut Laporan Ekonomi 1995/96 akaun semasa imbangan pembayaran Malaysia akan terus merosot kepada defisit RM18.1 bilion atau 9 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) disebabkan defisit perkhidmatan yang semakin membesar. Ekoran daripada itu, rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia dijangka akan mencatatkan kemerosotan sebanyak RM1.2 bilion pada akhir tahun 1996 kepada RM6.7 bilion cukup untuk membiayai 4.4 bulan dagangan tertanggung.

Sehubungan dengan itu, artikel ini akan memberikan gambaran asas dari segi konsep imbangan pembayaran dan menganalisa kedudukan imbangan pembayaran Malaysia bagi tempoh 1985-1995 diikuti perbincangan dan penilaian terhadap polisi-polisi yang diambil oleh kerajaan untuk menangani permasalahan ini.

Struktur Imbangan Pembayaran

Imbangan pembayaran secara mudahnya boleh didefinisikan sebagai rekod urusan antarabangsa diantara penduduk sesebuah negara dengan penduduk negara yang lain. Ia mengandungi dua komponen iatu Akaun Semasa dan Akaun Modal.

Akaun Semasa

Ianya termasuklah semua urusan yang meningkat atau mengurangkan pendapatan negara semasa, seperti eksport dan import barangan dan perkhidmatan, pembayaran keuntungan, pembayaran faedah dan aliran bantuan antarabangsa. Ianya memberikan gambaran bagaimana sesebuah negara memperolehi dan membelanjakan pertukaran wang asing bagi sesuatu jangkamasa. Lebihan akan berlaku jika perolehan melebihi perbelanjaan, jika sebaliknya keadaan kurangan/defisit akan dialami oleh sesebuah negara.

Akaun Modal

Ianya termasuklah urusan yang boleh memberi kesan pada kedudukan pendapatan negara masa depan seperti pelaburan langsung asing, pelaburan portfolio, aliran modal jangka pendek dan hutang negara. Ianya menerangkan bagaimana kedudukan lebihan akaun semasa akan digunakan dan bagaimana keadaan defisit dibiayai. Jadi, dalam keadaan lebihan, ianya digunakan untuk tujuan pelaburan ke luarnegeri, memberikan pinjaman ke luarnegeri ataupun meningkatkan kedudukan rezab. Sebaliknya, jika kedudukan defisit akaun Semasa akan dibiayai oleh pengaliran masuk pelaburan asing, meminjam dari luar negeri ataupun menguncupkan kedudukan rezab.

Keseimbangan Imbangan Pembayaran

Dari aspek perakaunan, imbangan pembayaran akan berada dalam keadaan seimbang berdasarkan pendekatan catitan bergu dimana jumlah debit bersamaan dengan jumlah kredit. Ini bermakna baki akaun semasa hendaklah sama dengan bagi akaun modal dengan kedudukan yang bertentangan samada debit atau kredit.

Manakala dari aspek ekonomi, imbangan pembayaran akan seimbang apabila baki akaun semasa adalah kosong (zero). Dalam konteks global, kedudukan baki zero akaun semasa adalah sesuatu yang sempurna bagi setiap negara, ini adalah kerana adalah sesuatu yang mustahil bagi semua negara dalam keadaan lebihan dan defisit serentak pada sesuatu jangkamasa. Realitinya, jika sesebuah negera mengalami lebihan negara yang lain mengalami defisit (dinamakan zero-sum game). Sesebuah negara boleh mempertingkatkan lebihan dengan mengakibatkan peningkatan defisit negara lain.

Kedudukan Imbangan Pembayaran (1985 -1995)

Jadual 1 di bawah menunjukkan kedudukan imbangan pembayaran Malaysia bagi tempoh 1985-1995. Bagi tempoh ini didapati imbangan pembayaran mengalami defisit pada tahun 1988, 1994 dan 1995. Ianya jelas menunjukkan akaun imbangan pembayaran telah mengalami perubahan daripada lebihan dalam imbangan dagangan kepada lebihan yang dialami oleh akaun aliran modal jangka panjang. Akaun perkhidmatan menunjukkan kedudukan defisit sepanjang tempoh tersebut.

Sepanjang tahun 1988, akaun semasa mengalami lebihan, walaupun akaun perkhidmatan terus dalam keadaan defisit. Defisit keseluruhan bagi imbangan pembayaran adalah disebabkan defisit dalam modal jangka pendek swasta dan modal jangka panjang. Dalam tahun 1995 aliran keluar bersih akaun modal sebanyak RM3.2 bilion disebabkan pembayaran balik dan bayaran awal pembayaran balik hutang oleh Kerajaan Persekutuan sebanyak RM5.3 bilion dan sebanyak RM3.7 bilion oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (Mohd Ariff dan Leong Kai Hin, 1996).

Manakala bagi tahun 1994 dan 1995, kedudukan defisit ini disumbangkan oleh pengurangan defisit dalam akaun dagangan. Ini adalah disebabkan kenaikan dalam nilai import lanjutan daripada peningkatan aktiviti pelaburan oleh sektor swasta untuk pembelian barang perantaraan dan barangan modal. Ianya juga disebabkan pertumbuhan ekonomi meningkatkan pendapatan bolehguna penduduk yang akhirnya meningkatkan permintaan dan pengimportan barang pengguna.

Akaun perkhidmatan juga telah menyumbang kepada kedudukan defisit akaun semasa sejak tahun 1990. Kedudukan ini telah meningkat dari RM9.6 billion kepada

RM18 billion, iaitu 9 peratus dari KNK. Komponen yang paling besar menyumbang kepada defisit perkhidmatan ialah transaksi yang berkaitan dengan pengangkutan dan insuran, dimana ianya juga menggambarkan jumlah perdagangan. Ini adalah kerana eksport Malaysia adalah berdasarkan f.o.b. (free on board), sementara import adalah berdasarkan c.i.f. (cost, insurance and freight). Kedua, adalah kesan daripada pengeluaran bersih pendapatan pelaburan adalah merupakan penyumbang terbesar defisit akan perkhidmatan, secara purata sebanyak 50 peratus untuk jangkamasa sedekad yang lalu. Iaitu 54 peratus tahun 1985 kepada 62 peratus pada tahun 1995. Ini menunjukkan pengaruh besar pelaburan langsung asing (FDI) dalam kegiatan ekonomi negara.

Dengan peningkatan permintaan terhadap sektor pendidikan, pembayaran untuk pendidikan telah meningkat dan meningkatkan defisit dibawah 'lain-lain' akaun. Lain-lain aktiviti ialah pembayaran terhadap perkhidmatan professional lanjutan daripada peningkatan kegiatan pelaburan termasuk perkhidmatan perundingan kejuruteraan, pengurusan, pemasaran dan perkhidmatan rundingcara.

Imbangan akaun semasa juga menunjukkan kedudukan defisit sejak tahun 1990. Pada lima tahun kebelakangan ini, perbincangan mengenai kedudukan ini adalah berdasarkan kedudukan akaun ini pada tahun 1991 dan 1995. Dimana masing-masing merupakan 9.5 peratus dan 8.8 peratus daripada Keluaran Negara Kasar Nominal. Manakala kemasukan modal jangka panjang, terutamanya pelaburan korporat telah dapat membiayai defisit dalam akaun semasa.

Terdapat beberapa kebimbangan dikalangan penganalisa ekonomi tentang kedudukan defisit yang besar ini, meletakkan ekonomi Malaysia didalam kategori 'panas lampau' yang akhirnya memberikan tekanan terhadap kadar pertukaran. Ini adalah berasaskan kedudukan jumlah imbangan keseluruhan imbangan pembayaran dalam keadaan defisit untuk dua tahun kebelakangan ini dan ini memberikan kesan terhadap kedudukan rezab antarabangsa negara (Sulaiman Mahbob dan Michael Yap, 1996).

Jadual 1
Kedudukan Imbangan Pembayaran (1985 - 1995)

	1985	1986	1987	1988	1989	1990	1991	1992	1993	1994	1995
Imbangan Dagangan	8,883	8,378	14,703	14,524	11,871	7,093	1,449	8,609	8,231	4,561	630
Eksport (f.o.b)	37,576	34,970	44,733	54,607	66,727	77,458	92,220	100,910	118,383	148,506	180,956
Import (f.o.b)	28,693	26,592	30,030	40,083	54,856	70,365	90,771	92,301	110,152	143,945	180,326
Imbangan Akaun Perkhidmatan	-10,391	-8,790	-8,409	-10,180	-11,392	-9,723	-13,195	-14,568	-16,001	-15,873	-18,845
Pengangkutan dan Insuran	-1,852	-1,306	-1,185	-2,072	-3,027	-3,827	-4,847	-4,265	-4,890	-7,367	-8,835
Lain-lain Pengangkutan	64	149	45	-44	-5	-25	-10	-355	-226	474	672
Perjalanan	-1,332	-1,368	-1,327	-1,403	-891	632	547	657	906	4,300	4,900
Pendapatan	-5,434	-4,597	-4,824	-5,019	-5,935	-5,072	-6,735	-7,920	-8,174	-9,386	-11,209

Pelaburan											
Pindahan Kerajaan	-31	-190	-193	-217	-261	-3	-55	54	-72	-36	-45
Lain-lain Perkhidmatan	-1086	-1,478	-925	-1,425	-1,273	-1,418	-2,095	-2,739	-3,545	-3,858	-4,328
Imbangan Dargangan dan Perkhidmatan	-1,058	-412	6,294	4,344	479	-2,630	-11,746	-5,959	-7,770	-11,312	-18,215
Pindahan bersih	-14	96	348	395	219	147	102	337	384	314	400
Imbangan Akaun Semasa	-1,522	-316	6,642	4,739	698	-2,483	-11,644	-5,622	-7,386	-10,998	-17,813
Imbangan Modal J/ panjang	4,229	3,386	-1,405	-3,218	2,060	3,473	10,331	10,328	13,864	11,889	15,569
Modal Jangkapanan g Resmi	2,504	2,124	-2,470	-5,102	-2,458	-2,836	-663	-2,876	979	480	5,569
Pelaburan Korporat	1,725	1,262	1,065	1,884	4,518	6,309	10,996	13,204	12,885	11,409	10,000
Imbangan Asas	2,707	3,070	5,237	1,512	2,758	990	-1,313	4,706	6,478	891	-2,246
Modal Swasta bersih	870	-47	-2,491	-1,962	1,562	1,356	5,135	11,957	13,931	-7,925	734
Kesalahan dan kesilapan	-368	1,322	147	-663	-988	3,019	-395	81	8,830	-1,228	-2,891
Imbangan Keseluruhan	3,209	4,345	2,893	-1,104	3,332	5,365	3,427	16,744	29,239	-8,262	-4,403
Peruntukan SDR	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Sumber IMF	-382	-263	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Perubahan Rezab Antarabangsa	-2,827	-4,082	-2,893	1,104	-3,332	-5,365	-3,427	-16,744	-29,239	8,262	4,403
Rezab Antarabangsa Bersih	12,457	16,539	19,432	18,328	21,660	21,025	30,452	47,196	76,435	68,173	63,770
% Akaun Semasa kepada minimal KNK	-2.1	-0.5	8.9	5.5	0.7	-2.2	-9.5	-4.1	-4.8	-6.2	-8.8

Sumber : Laporan Ekonomi, pelbagai keluaran

Implikasi Polisi dan Penilaian

Adalah sesuatu yang penting difahami, iaitu lebih dalam akaun imbalan pembayaran bukanlah semestinya sesuatu yang baik dalam penganalisaan ekonomi. Begitu juga defisit akaun semasa bukanlah semestinya sesuatu yang buruk (Mohamed Ariff, 1996). Adalah sesuatu yang biasa sesebuah negara yang mengalami kemelesetan akan mengalami imbalan pembayaran yang positif dan biasa dialami sesebuah negara mengalami defisit imbalan pembayaran semasa mengalami ledakan ekonomi. Ada juga penganalisa ekonomi menyatakan tiadanya korelasi diantara pertumbuhan KNK dengan defisit imbalan pembayaran. Sebagai contoh Amerika Syarikat berada dalam keadaan pertumbuhan ekonomi yang rendah tetapi mengalami keadaan defisit imbalan pembayaran yang besar. Sebaliknya Taiwan mengalami pertumbuhan KNK yang besar dengan lebih yang besar imbalan pembayaran. Dalam kes Malaysia kita mengalami

defisit imbangan pembayaran dalam keadaan kita mengalami pertumbuhan ekonomi yang tinggi.

Pertama, adakah persoalan defisit imbangan pembayaran merupakan sesuatu yang serius? jawapannya mungkin Ya dan mungkin Tidak. Dalam jangka pendek ianya mungkin tidak serius. Bagi sesebuah negara yang membangun seperti Malaysia yang mengalami pertumbuhan yang tinggi melalui sektor perindustrian, defisit tidak dapat dielakkan jika kita bergantung pada jumlah import yang tinggi untuk menyokong aktiviti pelaburan. Defisit yang kita hadapi bukan disebabkan oleh perbelanjaan yang besar untuk tujuan barang pengguna tetapi untuk pembelian perkakasan dan komponen dan penggunaan perkhidmatan luar seperti insuran, pengangkutan dan perkhidmatan professional. Sebagai sebuah negara terbuka, kita dapat menarik banyak pelabur asing. Kesannya, akan berlaku pengaliran keluar pendapatan pelaburan yang berterusan dan merupakan sumbangan yang signifikan kepada defisit akaun perkhidmatan. Walaubagaimanapun, dari segi perspektif jangka panjang, kedudukan defisit ini adalah sesuatu yang serius. Ini disebabkan ianya menggambarkan pergantungan yang tinggi negara terhadap pengimportan barangan dan perkhidmatan untuk mengekalkan pertumbuhan. Ia juga menggambarkan kekurangan yang terdapat pada struktur perindustrian negara, kekurangan infrastruktur, kekurangan perkhidmatan sokongan utama dan pergantungan yang tinggi kita terhadap pelabur asing.

Kedua, kesan yang timbul daripada peningkatan defisit negara ialah rizab negara tidak akan dapat ditambah, malahan akan berkurangan (Syed Amin Al Jeffri, 1995). Kalau pada tahun 1994 kita mempunyai jumlah rizab yang mampu menampung import tertanggung selama 6.7 bulan, pastinya ianya akan berterusan berkurangan. Rizab penting kerana ia boleh dikenali sebagai tabungan negara dan kekurangan tabungan memungkinkan negara terpaksa menambah hutang. Apabila ini berlaku, keyakinan masyarakat antarabangsa untuk menyalurkan bantuan kewangan terhadap Malaysia akan terjejas kerana khuatir di atas kemampuan negara menjelaskan hutang. Akhirnya kelajuan pembangunan negara akan terjejas.

Ketiga, defisit terjadi bila import kita melebihi eksport. Ini bermakna duit kita lebih banyak mengalir ke luar negara berbanding dengan jumlah wang luar yang diterima. Jumlah import melebihi eksport apabila produktiviti kita berkurangan manakala permintaan pula semakin meningkat. Nilai import yang melebihi nilai eksport pula terjadi kerana nilai wang kita telah menurun manakala nilai matawang asing pula semakin meningkat. Kita percaya, banyak import yang di buat merupakan barang modal dan perantaraan yang akan digunakan bagi menambah pengeluaran barang di masa hadapan. Barangan ini boleh di jual dipasaran dunia dan ini akan dapat meningkatkan eksport. Lama kelamaan, defisit yang timbul ini akan dapat diseimbangkan. Tetapi persoalan sebaliknya, sejauhmana keupayaan kita boleh menggunakan bahan-bahan tempatan sebagai pengganti barang perantaraan dan barang modal yang di import.

Keempat, selari dengan perbincangan di atas, ada juga penganalisa ekonomi mengatakan untuk memperbaiki kedudukan imbangan pembayaran, Malaysia perlu

mempertingkatkan eksport dan pada masa yang sama mengurangkan import. Soalnya, adakah mudah dengan struktur ekonomi yang ada kita boleh merealisasikan pandangan ini. Jika Malaysia hendak mempertingkatkan eksport, sejauh mana barangan dan perkhidmatan kita mempunyai daya saing diperingkat antarabangsa. Eksport akan mempunyai daya saing dari segi harga jika ianya menikmati peningkatan produktiviti. Peningkatan produktiviti ini hanya akan dapat dicapai jika terdapatnya pelaburan dalam infrastruktur, peningkatan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan pembangunan sumber manusia (Mohamed Arif, 1996).

Kelima, Penghantaran balik keuntungan syarikat-syarikat asing yang beroperasi di negara ini adalah diantara faktor utama menyebabkan defisit akaun perkhidmatan negara. Bagi mengurangkan masalah ini daripada berlarutan, insentif perlu diberikan supaya syarikat-syarikat asing melabur semula dinegara ini serta mempelbagaikan operasi disini. Disamping itu, kelemahan dalam menguruskan industri perkhidmatan secara efisien telah dikenal pasti sebagai punca penyumbang. Perhatian segera perlu diberikan kepada sektor perkhidmatan untuk memastikan kekuatan dalam akaun semasa bertahan secara berterusan. Ini kerana lebih dalam perdagangan sahaja tidak boleh diharapkan sekiranya akaun perkhidmatan terus meningkat. Tambahan pula sektor perkhidmatan akan menjadi lebih penting lagi ke arah negara menjadi negara maju kerana ia menjadi pemangkin ke arah pertumbuhan sektor pengeluaran. Usaha-usaha perancangan yang dilakukan oleh kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat entrepot adalah suatu yang positif. Disamping penyediaan tabung perkapalan RM1.1 bilion untuk meningkatkan angkatan perkapalan, menjadikan Pelabuhan Klang sebagai zon perdagangan bebas serta membangunkan Pelabuhan Barat.

Keenam, sektor pelancongan juga boleh menyumbang dalam usaha untuk menangani masalah defisit ini. Perangkaan menunjukkan hampir 20 juta orang rakyat tempatan melancong ke luar negeri. Daripada jumlah itu, 6 juta orang berada di luar negara untuk tempoh lebih dari satu hari, 18 juta orang pula merupakan mereka yang pergi dan balik pada hari yang sama (day trippers). Dengan kadar purata seorang membelanjakan RM1,000, ini bermakna sebanyak RM18 bilion akan mengalir ke luar negara. Dengan kemudahan infrastruktur yang baik dan usaha-usaha juga perlu dipertingkatkan untuk menggalakan kemasukkan pelancong asing. Adalah dianggarkan jumlah pelancong luar bagi tahun 1995 berjumlah 7.9 juta orang iaitu peningkatan 9.8 peratus berbanding tahun 1994. Ini akan membantu meningkatkan industri berasaskan pelancongan.

Ketujuh, usaha-usaha mengliberalisasikan sektor pendidikan juga akan dapat membantu mengimbangi masalah defisit imbalan pembayaran. Pada masa ini kerajaan membelanjakan sebanyak RM2.5 bilion setahun untuk penghantaran pelajar-pelajar keluar negeri. Pengliberalan ini adalah satu proses keterbukaan, keterlusuan dan kebolehubahan kerangka polisi pendidikan ke arah memenuhi keperluan perubahan pertumbuhan negara. Sepanjang Rancangan Malaysia Keenam, tumpuan sistem pendidikan adalah memperbaiki kualiti sumber manusia terutama dalam bidang sains dan teknologi. Disamping matlamat kerajaan meningkat pengambilan seramai 20,000 pelajar-

pelajar bagi setiap universiti menjelang tahun 2000. Sementara pendekatan dibawah Rancangan Malaysia Ketujuh adalah peningkat program pembelajaran jarak jauh sebagai mekanisma 'pendemokrasian' ilmu dinegara ini. Dengan perluasan dan perancangan di atas, dijangka kurang pelajar yang akan dihantar belajar keluar negeri dan dapat mengurangkan pertukaran wang asing dan akhirnya dapat membantu mengurangkan defisit imbalan pembayaran. Oleh itu, dengan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti serta membenarkan universiti asing membuka cawangannya di sini menyebabkan ia menjadikan negara ini sebagai pusat kecermelangan di rantau ini.

Kelapan, ada juga pandangan mengatakan bagi mengatasi masalah defisit ini, Malaysia perlulah mengurangkan kadar pertumbuhan. Adakah ini satu pendekatan yang perlu diambil?. Jika kita menganalisa perkembangan ekonomi dunia, didapati masing-masing membuat pengubahsuaian struktur ekonomi lanjutan daripada persoalan globalisasi, liberalisasi perdagangan dan perubahan dan perkembangan teknologi yang mempertingkatkan kemudahan dan jaringan hubungan dagangan. Dalam konteks ini Malaysia mesti mengambil peluang mempertingkat pertumbuhan ekonomi hasil pengubahsuaian ini. Malaysia mestilah menyediakan suasana perniagaan yang boleh berkembang pesat dan bergabung dalam konteks perniagaan dengan luar. Jadi dalam perkembangan dunia semasa, pendekatan mengurangkan pertumbuhan disebabkan kita mengalami defisit adalah bukanlah sesuatu yang dicadangkan. Pada bila-bila masa, negara akan berada dalam kedudukan defisit atau lebih bergantung pada tahap pembangunan. Dalam kes Malaysia, pertumbuhan dan pembangunan ekonomi yang tinggi dengan potensi yang luas dan aspirasi yang tinggi, kita mesti terus melabur untuk merealisasikan proses perindustrian.

Rumusan

Dari perbincangan di atas, dapat dirumuskan setiap negara terpaksa menanggung kos dalam proses pertumbuhan ekonomi. Defisit dalam imbalan pembayaran adalah salah satu daripada kos tersebut. Perbincangan terhadap kedudukan ini adalah sesuatu yang konstruktif. Defisit imbalan pembayaran adalah merupakan sebahagian daripada proses perindustrian yang merupakan alat kearah pertumbuhan ekonomi. Persoalan ekonomi 'panas lampau' terjadi bukanlah secara mudah boleh dikatakan disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi yang tinggi tetapi disebabkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi tidak disokong oleh asas ekonomi yang kuat. Untuk menanganai kedudukan ini memerlukan strategi dan pemikiran yang mendalam bagi mengenalpasti langkah-langkah inovatif untuk mengekalkannya. Beberapa faktor dan tanda-tanda negatif kedudukan defisit disamping implikasi polisi yang dibincangkan di atas mestilah dilaksanakan dalam konteks meletakkan Malaysia pada landasan mencapai status negara maju.

Rujukan

- Ali Abdul Hassan. 1996. "Membangunkan Perkhidmatan Ekonomi Malaysia Rangka Kerja Untuk Abad Ke-21". Kertas Kerja di *National Economic Forum*, Kuala Lumpur.
- Bank Negara Malaysia, *Laporan Tahunan 1985 - 1995*.
- Malaysia. 1986. *Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990*. Kuala Lumpur. Percetakan Kerajaan.
- _____. 1991. *Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995*. Kuala Lumpur. Percetakan Kerajaan.
- Malaysia. 1996. *Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000*. Kuala Lumpur. Percetakan Kerajaan.
- Mohammed Arif . 1994. External Trade dalam Jomo K.S. (Ed). *Malaysia's in the Nineties*, Malaysia: Pelanduk Publications.
- Mohammed Arif & Leong Kai Hin. 1996. "Balance of Payment Deficit - An Assessment of the Policy Response". Kertas Kerja di *7th Malaysian Plan, National Convention*, Kuala Lumpur.
- Sulaiman Mahbob & Michael Yap. 1996. "External Financing Challenge". Kertas Kerja di *7th Malaysian Plan, National Convention*, Kuala Lumpur.